

## 2 Yahya

<sup>1</sup> Daripadaku, seorang tua-tua,

Kepada puan yang terpilih dan kepada anak-anaknya, yang kukasih di dalam kebenaran. Bukan aku sahaja yang mengasihimu malah sekalian yang mengenal kebenaran – <sup>2</sup> kerana kebenaran ada dalam diri kita dan akan kekal dalam diri kita selama-lamanya:

<sup>3</sup> Semoga kasih kurnia, belas kasihan dan damai sejahtera daripada Allah Bapa dan Isa al-Masih, Putera daripada Bapa, menyertai kita dalam kebenaran dan kasih.

<sup>4</sup> Aku sungguh suka cita mengetahui bahawa sebilangan anak puan hidup mengikut kebenaran, sebagaimana yang diperintahkan kepada kita oleh Bapa. <sup>5</sup> Sekarang, puan yang dikasih, aku memohon agar kita kasih-mengasihi. Aku bukannya mengemukakan perintah baru. Perintah ini telah disampaikan dari mula-mulanya lagi. <sup>6</sup> Inilah kasih iaitu mengasihi bermakna hidup mengikut perintah Allah. Inilah perintah yang kamu dengar dari mulanya: Kamu haruslah kasih-mengasihi.

<sup>7</sup> Ramai penipu telah menjelajah ke seluruh dunia. Mereka itu tidak mengakui bahawa Isa al-Masih telah datang ke dunia sebagai manusia. Orang sedemikian adalah penipu dan dajal, penentang al-Masih. <sup>8</sup> Oleh yang demikian, berhati-hatilah supaya apa yang telah kami usahakan tidak lenyap begitu sahaja, melainkan kamu mendapat ganjaranmu sepenuhnya. <sup>9</sup> Sesiapa yang tidak mengikut ajaran al-Masih dan melanggarnya, maka Allah tidak ada dalam dirinya. Sesiapa yang mengikut ajaran

itu maka Bapa dan Putera ada dalam dirinya. <sup>10</sup> Oleh itu, jika sesiapa datang menyebarkan ajaran selain ajaran al-Masih, janganlah alu-alukan dia ke dalam rumahmu. Janganlah berikan salam kepadanya. <sup>11</sup> Sesungguhnya, jika sesiapa memberi salam kepada orang sedemikian, berertilah dia bersubahat dengannya melakukan perbuatan yang durjana.

<sup>12</sup> Ada banyak lagi yang ingin kusebutkan, namun lebih eloklah tidak melalui surat. Aku berharap akan bertemu dan berbincang denganmu agar kita benar-benar gembira.

<sup>13</sup> Anak-anak kepada saudara perempuan puan yang telah dipilih oleh Allah juga berkirim salam kepada puan.

## Kitab Suci Zabur dan Injil

Contextualized New Testament in the Malay language of Malaysia.

Copyright © 2013 Pengamat Kitab Mulia

Language: Bahasa Malaysia (Malay)

This translation is made available to you under the terms of the Creative Commons Attribution-No Derivatives license 4.0.

You may share and redistribute this Bible translation or extracts from it in any format, provided that:

You include the above copyright and source information.

You do not make any derivative works that change any of the actual words or punctuation of the Scriptures.

Pictures included with Scriptures and other documents on this site are licensed just for use with those Scriptures and documents. For other uses, please contact the respective copyright owners.

2014-04-01

---

PDF generated using Haiola and XeLaTeX on 29 Jan 2022 from source files dated 14 Jan 2022

648b665b-0b0d-5152-8152-17df023a0827